

Bantu usahawan tingkat perniagaan

Harian Metro

14 Disember 2017 | Khamis

Johor Bahru

Bantu usahawan tingkat perniagaan

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) meneruskan usaha meningkatkan kemahiran keusahawanan di negeri ini melalui Hari MISI Inovasi Bisnes Johor Corporation selama dua hari di Persada Johor berakhir hari ini.

TPM sebagai syarikat milik kerajaan di bawah Kementerian Kewangan serta beroperasi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengambil inisiatif bersama dalam pameran itu bagi berkongsi pelbagai maklumat untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ketua TPM Biotech Sdn Bhd Ema Ukhtiah Zakaria berkata, pihaknya sentiasa membantu usahawan baru



melengkapkan diri dengan kemahiran diperlukan dalam memanfaatkan peluang perniagaan dari peringkat idea hingga peringkat akhir perdagangan.

"Dengan infrastruktur, kemudahan dan keupayaan bertaraf dunia, proses membabitkan program berstruktur dari idea dan inkubasi ke peringkat akhir dan mereka perlu bersedia untuk menembusi pasaran antarabangsa," katanya.